

PENGUNAAN STRATEGI VISUAL DALAM PENGAJARAN URUS DIRI UNTUK MURID YANG MENGALAMI AUTISME (*Visual Strategy for Teaching Self Care to Students with Autism*)

Ummi Kalsum Mohamad^a, Nazmin Abdullah^b, Noratiqah Satari^c & Hasnah Toran^d

^{a,c} Makmal Pembelajaran Autisme, UKM,

^b Kementerian Pendidikan Malaysia,

^d Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail : ummi_k88@yahoo.com

Abstrak: Penggunaan strategi visual merupakan strategi asas kepada murid autisme iaitu salah satunya menggunakan jadual visual. Dalam kajian ini, jadual visual digunakan dalam pengajaran urus diri mencuci pakaian yang mengandungi arahan dan langkah yang berbentuk visual. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan, penilaian guru dan pengekalan kemahiran murid selepas penggunaan strategi visual. Kajian eksperimental *Multiple baseline across subject* yang mengandungi Baseline, Intervensi dan Pengekalan yang melibatkan tiga murid autisme semasa sesi pengajaran urus diri. Data pemerhatian berdasarkan tugas dianalisis bagi mengenal pasti langkah mencuci pakaian yang berjaya dilakukan secara berdikari oleh murid. Murid dilatih terlebih dahulu untuk memahami dan mengikuti penggunaan jadual visual dengan bantuan dikurangkan sedikit demi sedikit. Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga orang pelajar boleh mencuci pakaian dengan baik walaupun hanya mencapai 80% dilakukan secara berdikari kerana faktor-faktor ketidakupayaan murid itu sendiri. Penggunaan strategi visual perlu diteruskan dengan pelbagai sokongan bagi membantu pelajar autisme berdikari dalam pelbagai kemahiran.

Kata Kunci: strategi visual, autisme, mencuci pakaian

Abstract: The use of visual strategy like visual schedules is basic in teaching learners with autism. Visual schedules consisting of instructions and steps are used in this study to teach the learners to do laundry. The objective of the study is to determine the effectiveness, teacher's evaluation and maintenance of skills after the application of visual strategy. The experimental multiple baseline across subject consists of baseline, intervention and maintenance which involves three learners with autism during teaching. Task based observation data is analyzed to determine the learners' success to independently complete the tasks. Learners were trained to understand and to follow the visual schedules before slowly fading the visual schedules use. The findings show that the three learners are able to complete 80% of the laundering tasks. Visual strategy use must be continued with various supports to help learners with autism to be independent in many skills.

Keywords: visual strategy, autism, laundry

PENDAHULUAN

Ibu bapa yang mempunyai anak autisme sering bimbang jika anak-anak mereka tidak boleh menguruskan diri sendiri apabila besar kelak (Benamou, Lutzker & Taubman, 2002). Murid-murid yang mengalami autisme mempunyai kekurangan dalam kebolehan untuk menguruskan diri sendiri yang memberi kesan kepada kehidupan harian mereka. Kemahiran urus diri dalam kalangan murid yang mengalami autisme khususnya remaja masih memerlukan tumpuan daripada pelbagai pihak kerana mereka mempunyai kemampuan yang terhad. Hasil kajian ini diharapkan murid yang mengalami autisme mampu menguruskan diri mereka secara berdikari.

Autisme didefinisikan sebagai gangguan neurologi yang menyebabkan perkembangan seseorang individu tersebut lewat (*developmental delay*). Antara ciri-ciri autisme yang biasa didapati oleh individu yang mengalami autisme seperti kekurangan kemahiran dalam interaksi sosial, masalah komunikasi sama ada

lisan atau tidak lisan, dan melakukan aktiviti yang terhad (Fani-panagiota, 2015). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders-V* (DSM-V) menjelaskan bahawa autisme berbeza daripada versi DSM-IV (versi keempat) yang menjelaskan bahawa autisme mempunyai tiga syarat iaitu gangguan autistik, *pervasive developmental disorder not otherwise specified* (PDD-NOS) dan gangguan Asperger. Dalam DSM-V, tiga syarat tersebut disatukan dalam satu keadaan yang mana tiada lagi subjenis untuk autisme iaitu mereka tidak lagi dikategorikan sebagai gangguan autistik, gangguan Asperger atau PDD-NOS sebaliknya hanya dinyatakan sebagai individu yang mengalami autisme sahaja.

Centers of Disease Control and Prevention (CDC) melaporkan prevalens autisme menunjukkan peningkatan yang ketara. Dalam tahun 2010, prevalens untuk autisme adalah 1 dalam 68 (1:68) bagi kanak-kanak 8 tahun. Prevalens ini berubah-ubah mengikut jantina dan kaum/etnik. Prevalens bagi lelaki dan

perempuan yang mengalami autisme adalah 1 dalam 42 (1:42) kanak-kanak lelaki dan 1 dalam 189 (1:189) kanak-kanak perempuan (ADDM, 2014).

Cabaran guru dalam mengajar murid keperluan khas seperti autisme dinyatakan dalam beberapa penyelidikan berkenaan strategi pengajaran. Menurut Browder, Diane & Spooner (2011), penyelidik terdahulu berminat meneroka cara pengajaran dan pembelajaran murid yang mengalami autisme untuk belajar beberapa kemahiran seperti cara makan dengan betul, cara memakai baju, memberus gigi, menggunakan tandas, menyediakan makanan dan mencuci pakaian. Mereka mendapati bahawa murid autisme cenderung untuk mengikuti pengajaran yang berbentuk arahan teratur terutamanya dalam pengajaran kemahiran urus diri.

Penggunaan bantuan video, rekod DVD dan pemain MP3 membantu dalam pembelajaran. Bantuan video dengan suara membantu pembelajaran dan pengajaran serta meningkatkan pencapaian kemahiran murid. Namun, terdapat murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran ini kerana pergerakan dalam video mengganggu fokus mereka. Mereka boleh menumpukan perhatian dengan hanya satu visual sahaja (Van Laarhoven et al., 2010). Murid yang mengalami autisme cenderung untuk mempunyai kekuatan memproses visual dalam mendapatkan maklumat (Meadan, Ostrosky, Triplett, Michna, & Fetting, 2011). Maklumat daripada visual ini mudah difahami, membantu dalam mendapatkan perhatian dan membantu jika murid mempunyai kesukaran dalam proses pendengaran. Penggunaan visual seperti gambar, video dan garisan merupakan salah satu penggunaan visual untuk membantu murid yang mengalami autisme untuk memahami bentuk visual. Penggunaan strategi visual ini telah disokong sebagai pengajaran berdasarkan bukti (*evidence based-practice*) dan dipersetujui oleh Myles, Grossman, Aspy, Henry & Coffin (2007) yang menyatakan bahawa penggunaan strategi visual membantu murid yang mengalami autisme belajar untuk berkomunikasi, membantu membina kebolehan untuk menjangka apa yang berlaku dalam aktiviti seharian dan seterusnya menggalakkan mereka lebih berdirari.

Strategi visual yang digunakan dalam kajian ini berbentuk jadual visual. Jadual visual boleh diikuti oleh murid autisme kerana mempunyai turutan aktiviti yang perlu dilakukan seperti pendekatan *first/then* dan *to do/done*. Pendekatan ini merupakan penanda untuk murid ikut dan murid perlu menyiapkan tugas sebelum beralih kepada tugas yang lain (Meadan et al., 2011)

METODOLOGI

Reka bentuk *multiple baseline across subject* merupakan salah satu reka bentuk dalam *single subject*. *Multiple baseline across subject* merupakan reka bentuk yang membolehkan lebih dari satu sampel terlibat dalam satu-satu penyelidikan (Richards, S.B, 2014). Dua atau lebih sampel yang dipilih mempunyai tingkah laku sasaran yang sama (*target behavior*) dalam persekitaran

(*setting*) yang sama. Kajian ini, sampel yang dipilih akan menjalankan aktiviti mencuci pakaian di tempat pembelajaran yang sama dan tingkah laku sasaran adalah kemahiran mencuci pakaian. Sampel dipilih merupakan pelajar autisme yang mendaftar dengan Makmal Pembelajaran Autisme, UKM dan sedang mengikuti pembelajaran di makmal tersebut. Seramai 3 orang pelajar lelaki dipilih dan sasaran umur iaitu berumur lingkungan 11-19 tahun. Tugas yang diberikan adalah mencuci pakaian dan dilakukan di Makmal Pembelajaran Autisme setiap waktu pagi. Satu ruang telah disediakan untuk mencuci pakaian yang lengkap dengan peralatan mencuci pakaian. Peralatan ini disediakan dan mudah dicapai oleh pelajar tanpa bantuan guru. Analisis tugas (Jadual 1) untuk langkah-langkah mencuci pakaian dibina dan jadual visual langkah-langkah mencuci pakaian disediakan serta ditampal di tepi mesin basuh. Jadual tersebut jelas untuk dilihat oleh pelajar dan setiap bahan/peralatan di label dengan gambar. Tugas ini dilakukan secara individu dengan setiap pelajar untuk mengelakkan *incidental modelling effects* (sesuatu yang tidak dirancang).

Jadual 1 : Analisis tugas aktiviti mencuci pakaian

Mencuci Pakaian
1. Buka penutup mesin basuh
2. Ambil pakaian kotor
3. Masukkan pakaian ke dalam mesin basuh
4. Sukat sabun
5. Masukkan sabun ke dalam mesin basuh
6. Tutup penutup mesin basuh
7. Tekan butang <i>on</i> dan <i>start</i> pada mesin basuh
8. Tunggu sehingga mesin basuh berhenti
9. Buka penutup mesin basuh
10. Letakkan pakaian yang siap dibasuh ke dalam bakul

Kaedah Pengumpulan Data

Proses dalam pengumpulan data dijalankan untuk setiap fasa dalam kajian ini. Setiap butiran seperti masa, tempat, bahan tugas dan juga sampel diambil kira semasa proses mengumpul data. Pengkaji memilih untuk menganalisis data menggunakan analisis deskriptif. Kaedah analisis ini bagi tujuan untuk melihat sama ada terdapat peningkatan ke atas kemahiran aktiviti harian yang dilakukan oleh sampel yang dipilih. Dalam kajian ini, analisis data bergantung kepada pemerolehan data yang telah dikumpul. Oleh yang demikian, pengkaji akan membina satu graf kekerapan berdasarkan rekod analisis tugas yang telah dijalankan ke atas pelajar yang mengalami autisme. Graf kekerapan akan dibina berdasarkan pembolehubah yang dipilih iaitu peratusan analisis tugas yang diselesaikan dengan jumlah sesi tugas. Daripada hasil graf tersebut, huraian melalui analisis deskriptif akan

dilakukan untuk merumuskan tentang peningkatan kemahiran pelajar terhadap aktiviti mencuci pakaian.

Kebolehpercayaan

Kajian ini menggunakan reka bentuk *Multiple Baseline Across Subjects* yang memerlukan kebolehpercayaan pemerhati luar (interobserver). Data untuk kebolehpercayaan ini dikumpul oleh pembantu penyelidik iaitu sebagai pemerhati luar yang telah dilatih iaitu dengan mengenal pasti langkah-langkah yang berjaya dilakukan oleh pelajar semasa menjalankan tugas mencuci pakaian. Borang kumpul data disediakan dan pemerhati luar ini akan diberikan 25% pemerhatian daripada setiap fasa dalam kajian. Untuk menguatkan lagi kebolehpercayaan, pemerhati ini akan dilatih untuk cara merekod data, termasuklah cara untuk menggunakan strategi visual serta panduan untuk mengajar. Persetujuan ini akan dikira dengan bilangan persetujuan dibahagi dengan jumlah persetujuan dan tiada persetujuan dan didarab dengan 100 (Richards, S.B, 2014). Peratusan untuk persetujuan dikumpul adalah berdasarkan jumlah langkah-langkah mencuci pakaian yang diselesaikan oleh pelajar dan juga panduan-panduan yang digunakan oleh pembantu penyelidik tersebut.

Persetujuan :

$$\frac{\text{Bil. Persetujuan}}{\text{Jumlah (persetujuan + Tiada Persetujuan)}} \times 100 \%$$

Kesahan Sosial

Bagi menguatkan lagi kajian ini, temu bual dilakukan iaitu dengan pembantu penyelidik (guru) yang terlibat. Guru akan ditemu bual berkenaan dengan intervensi dan juga pencapaian pelajar selepas intervensi. Guru akan ditanya apakah perasaan mereka apabila pelajar boleh melakukan kemahiran mencuci pakaian tanpa bantuan dan adakah mereka akan meneruskan penggunaan strategi visual dalam pengajaran lain selain kemahiran mencuci pakaian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut objektif iaitu kesan daripada intervensi, perbezaan kesan intervensi dan juga penilaian guru yang mengajar terhadap penggunaan strategi visual. Hasilnya menunjukkan bahawa perubahan tingkah laku murid wujud daripada strategi visual yang digunakan. Murid telah menunjukkan peningkatan dalam tugas mencuci pakaian dan tugas dapat diikuti oleh murid dengan baik. Data berdasarkan pemerhatian direkodkan untuk setiap sesi sama ada tugas dapat diselesaikan dengan betul atau tidak oleh murid walaupun terdapat langkah yang mereka tidak dapat selesaikan kerana faktor kekurangan kemahiran murid itu sendiri dan juga bahan yang digunakan iaitu mesin basuh. Kesan intervensi dilihat dari segi perubahan tingkah laku murid sama ada terdapat perubahan atau tidak apabila

intervensi dijalankan (rujuk Rajah 1). Perubahan tingkah laku dilihat dari segi peratusan dalam fasa pengekalan berdasarkan langkah dalam analisis tugas yang diberikan kepada murid. Berdasarkan tugas, walaupun tiada pelajar yang berjaya melakukan tugas 100% berdikari, secara purata pelajar dapat menyelesaikan antara 8 hingga 9 langkah keseluruhannya.


Terdapat beberapa perbezaan dalam kesan intervensi iaitu dari segi pencapaian murid. Persoalan yang timbul seperti mengapa murid tidak mempunyai pencapaian yang sama dan mengapa intervensi dijalankan pada minggu yang berbeza. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, dapat disimpulkan bahawa perbezaan pencapaian murid disebabkan oleh beberapa faktor iaitu faktor murid itu sendiri, faktor bahan visual, faktor bahan/alatan yang digunakan dan juga faktor guru yang mengajar. Murid yang dipilih adalah berbeza dari segi tahap komunikasi dan juga tahap kognitif. Komunikasi adalah penting untuk murid mendapat arahan yang berkesan ketika intervensi dijalankan. Misalnya murid yang bernama Aiman, pencapaian pada minggu baseline adalah mendatar sehinggalah minggu keempat dia dapat melakukan satu langkah dalam tugas yang diberikan secara berdikari (rujuk Rajah 1). Aiman merupakan murid yang tidak boleh bercakap (*non verbal*). Dia susah untuk diberikan arahan secara verbal jika tidak dibantu secara fizikal atau secara visual. Oleh hal yang demikian, fasa intervensi dijalankan selama 7 minggu untuk dia sahaja berbanding Imri dan juga Fahrin yang masing-masing adalah 6 minggu dan 5 minggu. Seterusnya adalah bahan visual yang digunakan mempengaruhi pemahaman murid. Gambar visual yang dipilih adalah gambar amatur yang diambil oleh guru sendiri. Bahan visual ini dibina berdasarkan langkah dalam analisis tugas mencuci pakaian yang mana langkah tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk visual. Isu yang timbul adalah apabila salah satu bahan visual untuk langkah 8 iaitu 'tunggu sehingga mesin basuh berhenti'. Murid tidak jelas dengan gambar yang disediakan dan perlu diterangkan oleh guru bahawa mereka perlu tunggu sambil membuat tugas yang lain sementara pakaian siap dicuci. Oleh yang demikian, bahan visual mempunyai pemahaman yang berbeza mengikut tahap murid. Faktor alatan yang digunakan juga mempengaruhi kesan intervensi yang menyebabkan murid menjalankan aktiviti secara berbeza. Misalnya adalah Imri yang mana dia keliru dengan penggunaan mesin basuh. Menurut gurunya yang dia biasa mencuci pakaian di rumah tetapi disebabkan penggunaan mesin basuh yang berbeza, dia tidak mencapai 100% untuk mencuci pakaian secara berdikari. Oleh yang demikian, ia secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pencapaian Imri. Namun, perbezaan ini tidak berlaku kepada murid yang lain iaitu Fahrin dan Aiman yang mana mereka boleh mengikuti langkah

mencuci pakaian dan tidak mengalami kekeliruan dalam penggunaan mesin basuh.

Penilaian guru terhadap penggunaan strategi visual, satu temu bual berbentuk soal selidik dengan pembantu penyelidik (guru) telah dijalankan. Soal selidik ini adalah berkenaan dengan penilaian guru tentang intervensi dan juga pencapaian pelajar selepas intervensi. Guru yang dipilih merupakan guru yang menjalankan intervensi mencuci pakaian terhadap murid yang mengalami autisme. Guru akan ditanya apakah perasaan mereka apabila pelajar boleh melakukan kemahiran mencuci pakaian tanpa bantuan dan adakah mereka akan meneruskan penggunaan strategi visual dalam pengajaran lain selain kemahiran mencuci pakaian. Penilaian guru juga dilihat dari segi bantuan guru yang diberikan kepada murid dalam sesi intervensi yang mempengaruhi perubahan tingkah laku murid. Dalam fasa baseline, guru tidak memberikan bantuan kepada murid semasa menjalankan aktiviti mencuci pakaian. Guru hanya memerhatikan murid melakukan aktiviti mencuci pakaian dan kebanyakan murid hanya boleh melakukan satu langkah sahaja dalam fasa ini. Dapatan kajian mendapati bahawa dengan bantuan guru dalam fasa intervensi, murid dapat memahami konsep mencuci pakaian dengan betul. Walaupun telah disediakan bahan visual langkah-langkah mencuci pakaian, murid perlu dibantu dengan diberikan arahan terlebih dahulu. Misalnya dalam langkah 8 iaitu 'Tunggu sehingga mesin basuh berhenti', murid tidak memahami apa yang perlu dilakukan oleh mereka. Dengan bantuan arahan oleh guru iaitu murid tidak perlu tunggu di kawasan mesin basuh untuk tunggu pakaian siap dicuci, tetapi mereka boleh melakukan aktiviti lain sementara pakaian tersebut siap dicuci. Seterusnya untuk fasa pengekaln, guru tidak akan memberikan bantuan kepada murid dan hanya memerhatikan sahaja aktiviti murid sama ada mereka boleh mencuci pakaian dengan betul atau tidak.

Berdasarkan soal selidik ini, guru 1 memberikan tindak balas yang positif kerana intervensi menggunakan strategi visual dalam aktiviti mencuci pakaian telah membantu muridnya yang tidak boleh bertutur (*non verbal*) untuk memahami tugas yang diberikan. Manakala guru 2 pula bersetuju bahawa penggunaan strategi visual meningkatkan pencapaian murid yang mengalami autisme. Dia memberi ulasan bahawa penggunaan visual merangsang pemahaman murid dan berkesan untuk jangka masa yang panjang.

Rajah 1 : Intervensi Murid Berdikari



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi kesan kepada perubahan tingkah laku murid dalam kemahiran urus diri. Penggunaan visual telah membantu mereka untuk lebih berdikari dan boleh menjalankan aktiviti harian dengan sempurna. Penggunaan jadual visual juga telah dibuktikan membantu murid untuk menjangkakan aktiviti yang mereka akan lakukan dan dalam masa yang sama meningkatkan kemahiran berdikari (Cohen & Sloan, 2007). Hal ini disokong oleh Meadan (2011) yang menyatakan bahawa intervensi dalam penggunaan visual dalam susun atur tugas meningkatkan kecekapan murid dalam melakukan sesuatu aktiviti. Mereka akan tahu aktiviti yang akan dilakukan dan tahu hala tuju seperti yang ditunjukkan dalam jadual visual. Hal ini telah ditunjukkan dalam kajian ini yang mana murid berjaya melakukan tugas mencuci pakaian dengan menggunakan visual.

Namun, dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih efektif, mereka mampu untuk menguasai pelbagai kemahiran dan boleh memperoleh pendapatan sendiri. Oleh itu, strategi pengajaran perlu dititikberatkan supaya murid bekeperluan khas seperti autisme mampu untuk menguasai pelbagai kemahiran. Tambahan pula, ibu bapa juga boleh bekerjasama dengan guru untuk meningkatkan lagi mutu pembelajaran murid yang mengalami autisme. Menurut Schmith & Cagran (2008), kerjasama/kolaborasi dijelaskan sebagai suatu aktiviti perkongsian pengetahuan, idea dan tanggungjawab bersama dalam

kalangan ahli profesional dalam pengajaran bagi tujuan implementasi pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini boleh dikatakan bahawa kolaborasi di antara ibu bapa dan guru adalah penting untuk melaksanakan program pendidikan yang lebih efektif.

Secara keseluruhan, kajian akan datang perlu menitik beratkan dengan strategi pengajaran yang lebih efektif dan juga pemilihan sampel yang baik supaya dapatan kajian boleh mewakili data untuk menunjukkan keberkesanan strategi pengajaran.

CADANGAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini memberi banyak manfaat kepada strategi pengajaran guru dan juga peningkatan kemahiran oleh murid yang mengalami autisme. Hal ini memberi peluang kepada kajian lanjutan dalam bidang pendidikan khas yang memfokuskan kepada kemahiran urus diri yang lain. Reka bentuk yang dipilih adalah reka bentuk eksperimental *multiple baseline across subject*, yang mana memfokuskan kepada perubahan tingkah laku dalam keadaan (*setting*) yang sama. Jadi, pengkaji akan datang boleh menggunakan reka bentuk kajian yang lain jika perlu kajian untuk tingkah laku murid. Walaupun pengkaji boleh memfokuskan kepada tugas yang sama iaitu kemahiran urus diri, reka bentuk yang berbeza boleh digunakan. Misalnya menggunakan reka bentuk eksperimental *multiple baseline across setting* yang mengenal pasti perubahan tingkah laku murid dalam keadaan (*setting*) yang berbeza. Selain itu, bahan bantu mengajar dalam kajian ini, bahan utamanya adalah mesin basuh untuk murid mencuci pakaian. Pengkaji seterusnya boleh menyediakan bahan bantu mengajar dengan teliti jika ingin mengenal pasti tingkah laku murid berdasarkan bahan yang digunakan. Hal ini penting untuk melihat keberkesanan dalam sesi intervensi nanti. Pemilihan sampel adalah 3 orang kerana menggunakan reka bentuk *single subject*, sampel boleh dipilih seramai 3 orang dan lebih. Untuk kajian yang akan datang, pengkaji digalakkan menggunakan banyak sampel iaitu antara 5-10 orang. Menurut Horner (2005), cadangan untuk sampel adalah seramai 5 orang untuk membuktikan sama ada intervensi boleh dipertimbangkan sebagai amalan berasaskan bukti (*evidence based practice*). Hal ini dapat membantu pengkaji dalam pengumpulan data kerana jika terdapat perubahan dalam tingkah laku murid yang dikaji. Selain itu, pengkaji akan datang boleh memfokuskan kepada kajian tingkah laku yang berbeza untuk murid berdikari dengan menggunakan strategi visual. Misalnya kemahiran yang boleh memberikan pulangan kepada kehidupan mereka untuk memperoleh pendapatan sendiri. Tambahan pula murid berkeperluan khas akan membesar seperti individu yang lain yang perlu berdikari untuk meneruskan kehidupan mereka. Contohnya kemahiran dalam bakeri, kemahiran menanam pokok dan juga kemahiran membuat pembelian di kedai. Ini boleh memberikan pulangan kepada murid yang mengalami autisme khususnya

untuk mereka berdikari dan mendapat pendapatan sendiri.

RUJUKAN

- American Psychiatric Association. (2013). Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders. Arlington.
doi:10.1176/appi.books.9780890425596.744053
- Bellini, S., Aukuian, J., & Hopf, A. (2007). Increasing Social Engagement in Young Children With Autism Spectrum Disorders Using Video Self-Modeling. *Psychology*, 36, 80–90.
- Cannella-Malone, H. I., Fleming, C., Chung, Y.-C., Wheeler, G. M., Basbagill, a. R., & Singh, a. H. (2011). Teaching Daily Living Skills to Seven Individuals With Severe Intellectual Disabilities: A Comparison of Video Prompting to Video Modeling. *Journal of Positive Behavior Interventions*, 13(3), 144–153.
- Fani-panagiota, R. (2015). Original Article Teaching strategies for children with autism JPES ®, 15(1), 148–159. doi:10.7752/jpes.2015.01024
- Gardner, S. J., & Gardner, S. J. (2014). by. Effect Of Video-Based Instruction Using Graduated Guidance On Daily Living Skill Acquisition For Adolescents With Autism Spectrum, (December).
- Hasnah Toran, Mohd. Hanafi Mohd. Yasin, M. M. T. & N. S. (2010). Tahap Latihan , Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas tentang Autisme. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)(2010): 19-26, 35(1), 19–26.
- King, A. (2015). Running head : Visual Schedules And Tantrums Advisor : Dr . Tracy Reilly Lawson The Effects of Visual Schedules on the Tantrum Behaviors of Two Preschoolers Diagnosed with Autism Submitted in partial fulfillment of the requirements for the degree of Maste.
- Lane, K. L., Kalberg, J. R., Bruhn, A. L., Driscoll, S. a, Wehby, J. H., & Elliott, S. N. (2009). Assessing social validity of school-wide positive behavior support plans: Evidence for the reliability and structure of the Primary Intervention Rating Scale. *School Psychology Review*, 38(1), 135–144.
- Meadan, H., Ostrosky, M. M., Triplett, B., Michna, A., & Fettig, A. (2011). Using Visual Supports With Young Children With Autism Spectrum Disorder. *Teaching Exceptional Children*, 43(6), 28–35.
- Nageswaran, S. (2004). Autism spectrum disorders. *Indian Pediatrics*, (October).
- Report, M. W. (2014). Prevalence of autism spectrum disorder among children aged 8 years - autism and developmental disabilities monitoring network, 11 sites, United States, 2010. *Morbidity and Mortality Weekly Report. Surveillance Summaries* (Washington, D.C. : 2002), 63(2), 1–21.

- Simonsen, B., & Little, C. a. (2011). Single-Subject Research in Gifted Education. *Gifted Child Quarterly*, 55(2), 158–162.
- Ting, T., Neik, X., & Lee, L. W. (2014). Prevalence, Diagnosis, Treatment And Research On Autism Spectrum Disorders (ASD) In Singapore And Malaysia, 29, 2006–2015.
- Treatment Of Autism : A Review Of The Literature By Kari L . Heiman A Dissertation Submitted to the Faculty of the California Institute of Integral Studies in Partial Fulfillment of the Requirements for the Degree of Doctorate in Clinical Psychology Calif. (2011).
- Van Laarhoven, T., Kraus, E., Karpman, K., Nizzi, R., & Valentino, J. (2010). A Comparison of Picture and Video Prompts to Teach Daily Living Skills to Individuals With Autism. *Focus on Autism and Other Developmental Disabilities*, 25(4), 195–208.
- Walsh, R. L., & Kemp, C. (2012). Evaluating interventions for young gifted children using single-subject methodology: A preliminary study. *Gifted Child Quarterly*, 57(2), 110–120.
- Weiss, J. a., Tint, a., Paquette-Smith, M., & Lunsky, Y. (2015). Perceived self-efficacy in parents of adolescents and adults with autism spectrum disorder. *Autism*.